

Menjelajah

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

BH 24 FEB 2002

RAMAI yang tertanya-tanya mengapa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada usia 76 tahun tiba-tiba teringin membuat penjelajahan ke Kutub Selatan atau benua Antartika. Apa yang ada di tempat sejuk itu kecuali ais dan beberapa spesies haiwan yang boleh hidup dalam cuaca dingin.

Pengembaraan Perdana Menteri bukan dilakukan berseorangan, bahkan bersama-sama 60 ahli delegasi Malaysia yang turut disertai tiga menteri kabinet iaitu Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Seri Najib Razak dan Datuk Law Hieng Ding.

Apabila persoalan itu diajukan ketika Perdana Menteri menghubungi Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bagi mengucapkan Qong Xi Fa Chai pada 9 Februari lalu, beliau berkata: "Ini adalah satu-satunya peluang bagi saya untuk datang ke sini dan saya fikir saya tidak berpeluang membuat lawatan ke Antartika selepas ini."

Tetapi bagi Syed Hamid yang juga tidak pernah terfikir akan menjejakkan kaki kebumi yang paling dingin di dunia, kehadiran Perdana Menteri di sana turut untuk membuktikan semangat 'Malaysia Boleh' bukan hanya patut dimiliki oleh rakyat Malaysia, bahkan ia

perlu bermula daripada peringkat kepimpinan tertinggi.


"Jawapan Perdana Menteri ketika diajukan persoalan itu adalah sungguh *simple*. Ini adalah khazanah dunia dan ia benua keenam yang tidak pernah kita lawati. Kita sudah melawat semua lima benua lain, jadi ini adalah benua keenam dan kita datang ke sini.

"Sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981, kita sudah memperjuangkan hak Antartika supaya tidak menjadi milik mana-mana negara, tetapi patut dijadikan milik dan khazanah kemanusiaan sejagat. Ini adalah perjuangan Malaysia.

"Saya rasa Dr Mahathir adalah satu-satunya pemimpin dunia, saya tidak tahu ada mana-mana ketua kerajaan yang pergi ke sana sebelum ini. Tapi bagi negara Islam, Dr Mahathir memang pemimpin negara Islam pertama yang ke Antartika," katanya.

LIHAT MUKA 2

Foto ihsan DATIN SERI SHARIFAH AZIAH SYED ZAINAL (isteri Datuk Seri Syed Hamid Albar)



DARI MUKA 1

Syed Hamid yang berasa bertuah kerana berada dalam delegasi berkenaan, berkata pengembaraan ke Antartika selama sembilan hari itu adalah satu pengalaman yang tidak mungkin dapat diulangi dan sukar untuk diungkapkan dengan perkataan.

Katanya, Kutub Selatan yang 98 peratus daripadanya diselaputi salji ini pernah mencatat keedinginan di bawah 80 darjah Celsius dan pada musim sejuk purata suhunya sekitar -60 darjah Celsius dan sejuknya boleh membekukan manusia biasa dalam beberapa minit saja.

Walaupun diselubungi salji, Antartika sebenarnya mempunyai suasana seperti gurun pasir dan ia boleh disamakan dengan Gurun Sahara.

Ramai manusia berfikir Antartika adalah kawasan berangin. Ia adalah benar, malah di kawasan pantai iaitu kawasan hujung benua kecil itu kelajuan angin boleh mencapai sehingga 80 kilometer sejam. Antara kawasan paling tebal dengan salji ialah Wilkes Land, yang mencatat ketinggian sehingga 4,776 meter ialah sama tinggi dengan banjaran Alps di Eropah.

Disebabkan salji yang begitu tebal, jika dicairkan, ketinggian bumi Antartika sebenarnya hanya kira-kira 1,000 meter di atas paras laut.

Beberapa dekad lalu, kehidupan bernyawa di benua itu sekadar penguin, anjing laut dan ikan paus, selain mungkin beberapa saintis yang boleh dikira dengan jari.

Kini, jumlah saintis dan kumpulan penyokongnya boleh mencapai sehingga 4,000 orang pada musim panas. Antara mereka ialah beberapa saintis Malaysia yang turut menyertai rombongan Perdana Menteri dan memberi taklimat kepada mereka.

Delegasi yang turut disertai

oleh Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad itu dan wira samudera, Datuk Azhar Mansor, yang pernah membuat pengembaraan solo mengelilingi dunia, menjelajah di kawasan perairan Antartika itu dengan kapal pemecah ais buatan Rusia, Kapitan Dranitsyn, bermula dari Ushuaia, Argentina pada 6 Februari dan kembali ke Ushuaia, lapan hari selepas itu.

Turut serta dalam pengembaraan itu ialah isteri peserta delegasi termasuk isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Syed Hamid, Datin Seri Syarifah Aziah Syed Zainal Abidin, isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor dan isteri Law, Datin Ngui Soon Leng.

Menurut seorang saintis, keadaan mungkin tidak begitu

menggerunkan jika manusia sekadar berada di sekitar kawasan pantai Antartika, namun suasana dan perasaan berubah apabila stesen mereka diletakkan di tengah benua itu, iaitu kawasan yang langsung tidak mempunyai kehidupan bernyawa – tiada penguin, ikan paus atau anjing laut – mampu untuk terus hidup di kawasan berkenaan.

J Briggs dari Universiti Chicago pernah menulis, salji dan ais memutih yang saujana mata memandang, membuatkan sesiapa saja berasa tidak berada di bumi nyata, sebaliknya seolah-olah berada di planet lain.

Syed Hamid pula berkata, pelbagai perangai dan sikap yang dapat dilihat di kalangan delegasi yang kebanyakannya tidak pernah melalui pengalaman yang begitu mencabar. Ramai antara mereka muntah-muntah dan mabuk laut.

“Tetapi Dr Mahathir, setiap kali keluar dari kabinnya, saya melihat beliau sihat saja, Jadi saya bertanya, bagaimana beliau menjaga kesihatan sebab saya lihat beliau tidak pernah *miss* makan, tidak pernah *miss* sarapan.”

Jawab Perdana Menteri: “Saya adalah ketua delegasi. Oleh itu saya kena tunjuk teladan yang baik dan kesihatan yang baik.”

“Justeru, ini adalah satu lawatan yang merakamkan sejarah untuk Malaysia dan dunia Islam, selain menunjukkan minat Dr Mahathir yang begitu ber-sungguh-sungguh dalam membuat penemuan dan perjalanan ke tempat yang membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang dapat memainkan peranan dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa,” kata Syed Hamid.